

02/05/1997

Berebut kuasa, pengaruh di medan siber

Ismail Hashim

CHARLES Swett, penolong penilaian strategik di Pejabat Penolong Setiausaha Pertahanan untuk Operasi Khas dan Konflik Kepadatan Rendah memberitahu satu lagi ancaman: "Proses politik yang sedang bergerak ke dalam Internet".

Dengan merujuk kepada laporan akhbar Washington Post mengenai berita Barisan Pembebasan Zapatista Kebangsaan, Swett mendakwa gerila berbohong dalam kenyataan di Internet apabila mereka mendakwa tentera Mexico menggunakan kereta kebal dan pengeboman udara di Chiapas dan merogol serta membunuh kanak-kanak di sana.

Namun beliau tidak mempersoalkan dakwaan pihak kerajaan yang menjalankan propaganda dalam Internet.

Swett juga meminta Jabatan Pertahanan supaya mengimbas berita daripada 'pihak kiri' yang ada dalam tapak Internet dengan dibantu Institut Komunikasi Global dan Persatuan Komunikasi Progresif supaya mengikuti perkembangan aktivis dalam dan luar negara.

Dia menambah: "Cara menggunakan Internet untuk menyerang pihak yang dapat membantu objektif peperangan bukan konvensional seharusnya diterokai."

Pada Jun 1996, bekas Pengarah CIA John Deutch mengeluh kerana kumpulan penganas sedang menggunakan Internet dan untuk tujuan komunikasi mereka sendiri.

Selain itu, pejuang siber dari Pentagon-NSA beranggapan salah satu ancaman keselamatan terbesar datangnya daripada hackers sebagaimana diterangkan dalam laporan Sistem Komunikasi Kebangsaan sebagai 'penceroboh komputer yang mengembangkan falsafah sosial yang mereka gunakan untuk menjustifikasikan tindakan pencerobohan elektronik. Salah satu contoh pendirian mereka itu yang dipegang oleh ahli komputer bawah tanah berkisar konsep 'kebebasan maklumat'. Penggerak komputer bawah tanah di Belarus, Bulgaria, Republik Czech, Romania, Russia dan beberapa negara lagi dipetik sebagai ancaman berpotensi kepada Persediaan Telekomunikasi Kecemasan dan Keselamatan Kebangsaan Amerika (NS/EP).

Sesungguhnya hackers yang ditakuti kerajaan adalah yang paling banyak memegang rahsia sulit, memandangkan tujuan utama penggerak komputer bawah tanah adalah untuk mendapatkan maklumat yang tertapis keluar daripada rejim totalitarian seperti di China, Belarus, Iran, Nigeria atau Kenya.

Kuasa Internet yang dikatakan bebas itu terbukti pada September lalu apabila Israel membuka terowong berdekatan Masjid Al-Aqsa yang mencetuskan kemarahan penduduk Palestin.

Ketika kekacauan di Tebing Barat, helikopter Cobra Israel menyerang rumah di Ramallah sementara tentera Israel menembak pelajar yang sedang lari di Universiti Bir Zeit.

Apabila pihak sekolah berdekatan menyiarkan gambar tindakan Israel melalui Internet ke serata dunia, beberapa forum elektronik yang diadakan mengutuk tindakan Israel itu - (Washington Post, Oktober 7, 96)

Israel yang gagal menapis berkata mereka tidak berkuasa untuk mengganggu transmisi itu.

Dalam kes lain, penyaluran maklumat dalam Internet oleh kumpulan pejuang Islam seperti Hizbollah, kumpulan penentang kerajaan Iran dan parti progresif di Amerika Latin ke Amerika berjaya disekat.

Dalam kes Iran misalnya, pada Ogos 1996, Yayasan Sains Kebangsaan Amerika (yang mempunyai hubungan rapat dengan NSA) menamatkan capaian

penyambungan Internet ke Iran melalui Universiti Vienna di Austria.

Baru-baru ini Tentera Revolusioner Colombia (FARC) yang dilabelkan 'siber gerila' oleh pihak peperangan maklumat di Amerika mendapati plug Internet sudah dicabut.

Pada 1996 ketika serangan hebat dilakukan terhadap kerajaan Colombia, gerila mewujudkan laman Internet dengan menggunakan pembekal servis Internet di Bandar Mexico.

FARC juga menyatakan majalah Resistencia dalam Internet dan menerangkan tindakan terkininya terhadap kerajaan Colombia. Tiba-tiba pembekal, dalam tindak balas kepada tekanan yang diterima menamatkan sambungan FARC - (Reuters 25 September, 1996).

Adalah suatu kemungkinan bahawa 'sekatan teknologi' akan dikenakan terhadap aktivis Internet. Sukar untuk kita pastikan adakah pada masa kecemasan atau sesuatu yang jadi kepentingan kepada keselamatan Amerika, media enggan bekerjasama dan membiarkannya dipancarkan ke televisyen.

Memandangkan pemilikan media kini, perkara mungkin boleh berlaku. ABC dan CNN kini dikuasai oleh Walt Disney dan Time Warner. Disney dan Time Warner (termasuk Warner Brothers) mempunyai sejarah panjang dalam kerjasama dengan kerajaan terutama dalam kempen pengurusan tanggapan, menghasilkan propaganda yang dianggap sebagai hiburan ketika Perang Dunia Kedua.

Dua daripada rangkaian televisyen utama dimiliki kontraktor pertahanan yang besar: NBC dimiliki General Electric dan CBS oleh Westinghouse. Memandangkan latar belakang itu, sukar untuk ditolak mereka akan bekerjasama dengan usaha menguruskan berita berdasarkan kemanfaatan operasi ketenteraan, terutama apabila mempunyai kepentingannya.

Pada 1995, Rand Corporation - institusi pemikir utama untuk pembuat dasar NSC - mengendalikan 'latihan perang maya' (mock battle atau war game), The Day After .. in Cyberspace.

Dalam latihan perang maya, kononnya gerakan radikal Islam dukungan Iran menabur sistem komputer dunia dan rangkaianannya dengan senjata perisian yang memusnahkan, termasuk pintu perangkap, bom logik, dan worn dengan dibantu penghidu rangkaian, pengatur cara komputer yang belot dan mengatasi penyiaran televisyen.

Akibatnya, Kaherah bergelap kerana terputus bekalan elektrik; suis telefon di barat laut Pasifik mengalami kerosakan; kereta api Amtrak tergelincir daripada landasannya berdekatan Laurel, Maryland; Bank of England tidak boleh memindahkan dananya; kejatuhan pasaran saham di Bursa Saham New York dan London; mesin juruwang automatik di Georgia tidak dapat berfungsi; CNN tidak dapat dikeudarakan, kokpit pesawat penerbangan British bergelap, menyebabkannya meletup selepas mendarat di Lapangan Terbang Heathrow; loji penapis minyak di Dhahran meletup; komputer logistik Pentagon mengalami kerosakan; dan pemimpin revolusioner Arab Saudi mengumumkan sebuah kerajaan sementara Republik Arabia - (Mark Thomson, If War Comes Home, Time, 21 Ogos 1995).

Walaupun kita masih boleh mempersoalkan ancaman keselamatan yang dibesar-besarkan Amerika itu, hakikatnya Pentadbiran Clinton kini cenderung memberikan lebih kuasa kepada institusi perisikan untuk menguasai sistem keselamatan maklumat.

Perkembangan itu juga menunjukkan Amerika membuat persediaan awal terhadap cabaran teknologi maklumat abad.

Perkara itu begitu rapat hubungan dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Koridor Raya Multimedia (MSC) diwujudkan bagi mempertahankan kepentingan negara serta menangani era teknologi maklumat yang jadi asas kehidupan abad mendatang.

Perdana Menteri menjelaskan MSC boleh digunakan untuk menangkis kemasukan maklumat negatif dari negara lain serta memberi peluang Malaysia

membuat serangan balas.

"Sekarang kita hidup dalam dunia tanpa sempadan, jika kita tidak tahu teknologi maklumat, kita akan diserang maklumat negara lain tanpa memberi peluang untuk kita menangkis atau menyerang mereka dengan maklumat kita.

"Macam mana kita nak serang jika kita tidak tahu menggunakan teknologi maklumat. Kita perlu ada kebolehan ini," kata Perdana Menteri - (Berita Harian, 12 Februari 1997).

Namun adakah perkembangan yang berlaku di Amerika akan berlaku di negara kita. Adakah wujud Perang Siber di rantau Asia Tenggara? Tidak mustahil. Majalah Far Eastern Economic Review (Feer) dalam keluaran 27 Februari 1997 di bawah tajuk muka depan, 'Cyber War - Can Malaysia Threaten Singapore High Tech Supremacy' menonjolkan apa yang dikatakan perkembangan berkaitan pertarungan untuk menguasai ruang siber.

Benarkah wujud pertarungan antara Malaysia dan Singapura dalam menguasai ruang siber dan adakah kritikan Menteri Kanan, Lee Kuan Yew dan anaknya itu berkaitan dengan gagasan Dr Mahathir terhadap projek MSC.

Projek MSC Dr Mahathir boleh mengalirkan tenaga kepakaran rakyat Malaysia di bidang teknologi maklumat di Singapura kembali ke negara kita.

Salah satu faktor yang memberikan kelebihan kepada Malaysia dalam projek MSC ialah komitmen negara untuk tidak membuat penapisan dalam Internet - (Feer, 27 Feb 1997).

Tiga pembekal Intedi Singapura menyekat pengguna daripada mendapatkan capaian langsung kepada World Wide Web dan menafikan capaian kepada tapak yang disenarai hitamkan oleh kerajaan. Tetapi adakah Feer dalam liputannya itu mempunyai niat tertentu iaitu untuk melaga-lagakan Malaysia dan Singapura yang dapat menjejaskan hubungan yang sedia ada.

(END)